

D479

R B552 BAH
MAHATHIR - PAS

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYAMBUT BAIK KEMUNGKINAN DIADAKAN RUNDINGAN ANTARA UMNO DAN PAS UNTUK MENGADAKAN KERJASAMA.

+ELOKLAH... KALAU MEREKA HENDAK BERCAKAP DENGAN KITA,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO DI KEDIAMANNYA DI SINI MALAM INI.

KETUA DEWAN ULAMA PAS PUSAT, HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT, DILAPORKAN BERKATA, PAS BERSEDIA BEKERJASAMA DENGAN UMNO JIKA UMNO BENAR-BENAR IKHLAS UNTUK MENERIMA ISLAM.

HAJI NIK AZIZ DILAPORKAN BERKATA JIKA PAS BOLEH BEKERJASAMA DENGAN TENGKU RAZALEIGH YANG MENGETUAI RANCANGAN MENJATUHKAN KERAJAAN PAS PADA 1978 DI KELANTAN, TIDAK ADA SEBAB MENGAPA PAS TIDAK BOLEH BEKERJASAMA DENGAN UMNO SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA DARI DAHULU PUN UMNO BAIK DENGAN PAS DAN PARTI ITU PUN PERNAH BERADA BERSAMA-SAMANYA DALAM KERAJAAN.

+TETAPI TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (PRESIDEN SEMANGAT 46) YANG MENYEBABKAN PAS KELUAR DARI BARISAN NASIONAL DAN JUGA KERAJAAN PAS DIGULINGKAN DI KELANTAN,+ KATANYA. -- LAGI.

0036MST 17 10 90

D480

R B553 BAH
MAHATHIR - PAS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA,
MANIFESTO PAS JUGA TIDAK LEBIH DARIPADA ARA YANG SEDANG DILAKUKAN
OLEH UMNO SEPERTI UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM KERAJAAN.

+...DAN PAS PUN, NAMPAK DARIPADA MANIFESTONYA TIDAK MENYEBUT
LAGI MENGENAI (PENUBUHAN) NEGARA ISLAM, HANYA TAJUK MANIFESTO ITU
SAJA YANG MENYEBUT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM... KITA PUN HENDAK
MENERAPKAN NILAI ISLAM.

+TETAPI KITA TENGOK DULULAH MACAM MANA SYARATNYA (UNTUK
PERBINCANGAN ITU),+ KATANYA. -- BERNAMA.

0037MST 17 10 90